

Bil. S 51

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2010/2011) (BIL. 4), 2011

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 56/09) bertarikh 24 haribulan November, 2009 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu sembilan ratus lapan puluh lima juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus ringgit (\$4,985,785,600.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2010/2011), 2010 (Akta 1 tahun 2010);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang enam belas juta, tiga ratus enam puluh tiga ribu ringgit (\$16,363,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 1), 2011 (S 4/11);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh empat juta, tiga ratus lapan belas ribu, lapan ratus sembilan puluh lapan ringgit dan empat belas sen (\$24,318,898.14) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 2), 2011;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua belas juta, tujuh ratus dua puluh enam ribu, tujuh ratus lapan puluh tiga ringgit dan empat puluh enam sen (\$12,726,783.46) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 3), 2011;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak lapan puluh empat juta, dua ratus tujuh puluh sembilan ribu, enam ratus dua puluh empat ringgit dan enam puluh satu sen (\$84,279,624.61);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 4), 2011.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2010/2011 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi lapan puluh empat juta, dua ratus tujuh puluh sembilan ribu, enam ratus dua puluh empat ringgit dan enam puluh satu sen (\$84,279,624.61) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2010/2011, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2010/2011), 2010 (Akta 1 tahun 2010), Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 1), 2011 (S 4/11), Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 2), 2011 dan Perintah Perbekalan Tambahan (2010/2011) (Bil. 3), 2011 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$356,980.00
KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$301,000.00

JADUAL – Sambungan

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN		
SC01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	\$161,100.00
KEMENTERIAN KEWANGAN		
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$2,349,312.02
SD05A	Perkhidmatan Rampaian	\$16,000,000.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$3,421,081.10
KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$15,653,431.49
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA		
SH01A	Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	\$687,780.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA		
SJ01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$491,880.00
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK01A	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$1,034,400.00
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$39,770,658.00
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN		
SL01A	Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$1,447,047.00

JADUAL – Sambungan

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM01A	Jabatan Kementerian Kesihatan	\$1,704,555.00
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
SN01A	Jabatan Kementerian Perhubungan	\$900,400.00
		<u>\$84,279,624.61</u>

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 21 haribulan Jun, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM